



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku

**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Kata Pengantar	
Kata Aluan	
Pendahuluan	
1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditendang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.


Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyi Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan



Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



“달콤한 추억” di Bumi Korea

Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

Menulis karya ini tanpa sedar telah membuatku mengimbau kembali “달콤한 추억” atau kenangan manis di bumi Korea. Sungguh bersyukur diri ini telah diberikan peluang besar untuk mengikuti program pertukaran pelajar ke Korea Selatan ketika dalam tahun dua pengajian Ijazah Sarjana Muda hampir sedekat dahulu. Masih segar diingatan bagaimana pengalaman manis dan pahit dikala pertama kali menjejakkan kaki ke luar negara telah memberikan inspirasi kepada diri ini untuk terus berani dalam menghadapi liku-liku kehidupan sehingga kini.

Tanpa kusedari di sekitar akhir tahun 2015, sebuah buku yang sederhana kecil telah menarik perhatianku ketika sedang asyik mencuci mata di sebuah kedai buku di Sungai Petani, Kedah. Diwaktu itu, hati kecil berbicara sudah pasti buku ini akan dibaca sahaja untuk menambah ilmu baru tentang negara tersebut. Tanpa mengendahkan masa, buku yang bertajuk “I’m a Backpacker: Korea” terus dibeli tanpa banyak soal. Seusai pulang, buku tersebut diletakkan di dalam almari. Bersama buku-buku yang lain, tersimpan kemas selama beberapa bulan atas sebab kesibukan urusan pengajian ketika itu. Walaupun ada terdetik seketika untuk mencuri sedikit masa dan membaca buku tersebut, namun ia hanya menjadi monolog dalaman sahaja.

Selepas beberapa bulan berlalu, maka bermulalah semester baharu untuk tahun dua pengajian di universiti pada awal tahun 2016. Seperti para pelajar yang lain, focus sepenuhnya terus diberikan dalam pelajaran untuk menggapai matlamat yang telah disematkan ketika di awal pengajian untuk mencapai anugerah kelas pertama di dalam pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda ini. Syukur ke hadrat Illahi, ketika mengarang penulisan ini, membuatku terimbau kembali perasaan gembira ketika menerima Anugerah Rektor dan Anugerah Kelas Pertama di hari konvokesyen dahulu. Segala cita-cita yang suatu ketika dahulu hanyalah satu angan-angan, telah tercapai dengan sebuah kejayaan.

Berbalik kepada semester baharu di tahun dua pengajian, ketika itu sedang asyik meneliti subjek-subjek yang perlu di ambil di tahun ketiga pengajian, terdapat satu kod subjek bahasa antarabangsa yang perlu diambil oleh kesemua pelajar tahun dua atau tiga sebagai salah satu subjek wajib universiti untuk bergraduasi. Antara bahasa-bahasa yang ditawarkan adalah bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Jepun dan bahasa Korea. Para pelajar juga boleh memilih untuk mengambil subjek-subjek tersebut di fakulti masing-masing ataupun mengikuti program pertukaran pelajar ke university-universiti terpilih dan yang mempunyai memorandum persefahaman terdahulu. Terus, matakku meneliti satu-persatu syarat dan keperluan untuk mengambil kelas bahasa tersebut. Tersenyum terus diri ini sambil bermonolog sendirian, “wah, kesemua requirements untuk apply lepas ni”. Tanpa berlengah, terus ku menghubungi senior tahun empat pengajian ketika itu untuk maklumat lanjut. Ini kerana, mereka merupakan antara kumpulan pelajar pertama yang mengikuti program pertukaran pelajar dari kuliah yang sama.

Setelah berapa kali bersua muka dan konsultasi bersama pelajar senior, akhirnya diri ini memutuskan untuk menghantar nama dan permohonan untuk mengikuti program pertukaran

pelajar tersebut. Beberapa bulan seterusnya, segala urusan diperlukan telah selesai dan ketika ini, kakiku sedang berdiri di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, bersama-sama buku istimewa yang kubeli pada tahun sebelumnya, dalam ekspedisi ke Korea Selatan selama satu semester atau bersamaan dengan lingkungan lima bulan.

Tanpa kusangka, buku sederhana kecil yang telah dibeli pada tahun sebelumnya akan menjadi rakan karib seketika berada di bumi Korea Selatan ini. Sungguh, kesetiap mukasurat yang dibaca amat berguna untuk diriku yang buat pertama kalinya menjejakkan kaki ke luar negara terutamanya ke negara yang digelar “winter sonata” ini. Sebelum memulakan perjalanan, teringat akan bab kedua di dalam buku tersebut, yang menceritakan tentang musim-musim di Korea. Sebagai seorang yang amat teliti, telahku semak kesemua musim yang bakalku amati selama hampir lima bulan disana. Pemilihan pakaian juga telah tersedia kemas di dalam bagasi yang dibawa sebagai persediaan ketika di sana nanti.

Rezeki yang tidak terhingga, kerana selama satu semester disana, diriku dapat merasai tiga musim berbeza iaitu, musim panas, musim sejuk dan musim luruh. Pengalaman pertama kali merasai salji yang turun itu akan diriku simpan selamanya. Sujud syukur dilaksanakan seusai habis waktu kelas kerana perasaan terharu dan gembira yang tak dapat digambarkan. Syukur kerana persediaan dari segi pakaian tebal telah tersedia dengan adanya panduan daripada buku tersebut.

Acapkali diri ini bersyukur kerana tanpa adanya buku ini, tidak dapatku gambarkan beberapa situasi penting yang perlu diingatkan ketika disana. Terdapat satu bab di dalam buku sederhana kecil ini yang menerangkan tentang “survival skills” ketika di bumi Korea Selatan. Oleh kerana majoriti penduduk korea agak kurang mahir berbahasa Inggeris, terutamanya lapisan yang sudah berusia, jadi pengetahuan mengenai bahasa komunikasi mereka ataupun “Hangul” ini amatlah penting. Berbekalkan hasil pembacaan dan ulangkaji sebelum bertolak, Alhamdulillah diri ini sedikit sebanyak boleh menuturkan ayat-ayat mudah untuk pengenalan diri dan berbual ringkas serta membaca papan-papan tanda untuk ke destinasi yang diingini.

Mengimbau kembali momen sebagai pelajar antarabangsa disana, perkara utama yang menjadi kerisauan adalah tentang makanan. Maklumlah, sebelum ini makanan amat mudah dicari, terutamanya yang berstatus Halal ketika di tanah air sendiri, iaitu Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan, berat badan ketika lima bulan berada disana telah turun beberapa kilogram atas sebab kesukaran mencari makanan Halal ketika itu. Ini kerana lokasi universiti itu sendiri terletak di kawasan pendalaman. Perjalanan untuk ke ibu kota Seoul pula mengambil masa lebih kurang dua jam dengan menaiki tren pantas ketika itu.

Seringkali buku sederhana kecil tadi dirujuk untuk mendapatkan pengesahan sama ada makanan yang dibeli tidak mempunyai sebarang bahan atau kandungan yang tidak halal. Berdasarkan pengalaman ketika itu, kebanyakan produk mi segera seperti “Samyang” yang menjadi kegilaan remaja di Malaysia ketika ini adalah berstatus tidak halal. Setelah bertanya kepada rakan yang telah lama berada disana, rupanya mi segera tersebut mempunyai kilang berasingan untuk produk yang akan di eksport ke luar negara dan ianya adalah Halal. Hanya yang dijual di serata Korea ketika itu adalah tidak Halal.

Keberadaan di negara asing juga menjadi asbab diri ini untuk lebih bersyukur dan dekat dengan sang pencipta kita. Dimana seorang Islam wajib menunaikan solat walau dimanapun kita berada. Walaupun keadaan persekitaran dan budaya yang amat berbeza di negara Korea tersebut, ianya tidak menjejaskan waktu ibadah diri ini. Di negara Korea, boleh dikatakan sukar untuk mencari atau menjumpai surau di sekitar kawasan universiti. Oleh kerana waktu kelas yang agak lama dan boleh menyebabkan terlepasnya waktu solat, akan dipastikan diri ini untuk mengambil wudhuk terlebih dahulu sebelum memasuki kelas. Jadi diwaktu senggang atau “take five” pelajar, akan disegerakan untuk menunaikan kewajipan untuk menunaikan solat. Masihku

ingat, dimana tempat strategik dan selamat untuk menunaikan solat ketika itu adalah dibawah tangga. Walaupun bunyinya agak lucu, tetapi itulah yang menjadikan diri ini terus kuat dan sentiasa bersyukur akan nikmat yang telah Allah kurniakan.

Pernah juga ketika solat, ada beberapa pelajar disana yang memandang pelik dan menyoalkan tentang aktiviti yang sedang dilakukan. Tanpa segan silu terus diri ini menceritakan dan berkongsi maklumat mengenai keindahan dan kewajipan sebagai penganut agama Islam kepada mereka. Melihat wajah-wajah yang kagum terhadap bertapa kuatnya kita untuk sentiasa istiqomah walaupun berada di negara asing dan agak sukar untuk mencari kawasan beribadah, menjadi satu semangat untuk terus berkongsi mengenai keindahan agama Islam kepada yang lain. Perkara mengenai cara menunaikan solat ketika di negara sonata itu juga ada disentuh di dalam buku sederhana kecil tersebut.

Alhamdulillah, pengalaman hampir lima bulan berada di negara asing, Korea Selatan menjadikan diri ini untuk sentiasa bersyukur atas peluang dan pengalaman yang berjaya dicapai. Siapa sangka, buku sederhana kecil yang dahulunya dibeli sebagai bahan bacaan diwaktu lapang telah menjadi rakan baik sewaktu berada di bumi sonata tersebut ketika mengikuti program pertukaran pelajar. Semoga diri ini sentiasa mengorak langkah dalam neggapai bintang-bintang di langit, walau sukar untuk dipercayai, namun dengan usaha, tekad dan izinNya, siapa sangka akan menjadi satu momen indah dalam kehidupan duniawi ini.





Aku & Buku

2025

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810